

18 JUL 2000

Peladang

7,000 AKAN HADIRI SAMBUTAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Kira-kira 7,000 peladang, penternak dan nelayan dijangka menghadiri sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2000 yang akan diadakan di Bukit Jalil pada 22 Julai ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan perayaan selama sembilan hari itu yang diadakan serentak dengan MAHA 2000 atau Pameran Malaysian Agricultural, Horticultural dan Agrotourism.

Pada sidang media di sini hari ini, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Mustaffa Abdul Jabar berkata pihaknya membelanjakan kira-kira RM3.2 juta bagi memastikan sambutan itu berjalan dengan lancar dan meriah.

Antara acara menarik sempena perayaan bertema "Ke Arah Industri Pertanian Berdaya Saing" itu ialah Fiesta Buah-buahan Tempatan, pertandingan memasak hasil keluaran pertanian dan pertandingan haiwan jinak seperti kuda, kucing dan ayam serama.

Beliau berkata hadiah Pertandingan Peladang, Penternak dan Nelayan pada kali ini juga telah dinaikkan berbanding tahun sebelumnya.

Bagi kategori Pertubuhan Peladang Jaya dan Persatuan Nelayan Jaya, hadiahnya ialah RM20,000 berbanding RM10,000 sebelumnya manakala kategori Peladang Jaya Lelaki, Peladang Muda Jaya, Unit Peladang Jaya dan Peladang Jaya Wanita pula ialah RM5,000 berbanding RM3,000.

Beliau berkata pada kali ini tiada pemenang bagi kategori Peladang Jaya Wanita.

Beliau berharap orang ramai akan turut sama memeriahkan lagi perayaan itu dengan menghadiri majlis perasmian dan perayaan yang akan berlangsung sehingga 30 Julai itu.

-- BERNAMA

SHI AHH RHM